



## UMP - JPS meterai perjanjian persefahaman dalam bidang Kejuruteraan Sungai, Pantai dan Hidrologi

Dalam mempergiatkan usaha inovasi dalam bidang penyelidikan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) bagi melaksanakan pelbagai program penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang Kejuruteraan Sungai, Pantai dan Hidrologi.

Menerusi Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM), usaha ini dilihat satu cabang memperluaskan aspek inovasi dalam penyelidikan apabila dapat menggabungkan kepakaran dan kemahiran UMP dan JPS dalam bidang hidrologi ini.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM), Dr. Wan Mohd. Faizal Wan Ishak menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mewakili UMP manakala JPS diwakili Ketua Pengarahnya,

Datuk Ir. Hj. Ahmad Husaini Bin Sulaiman dan Pengarah Pengurusan Banjir, Ir. Haji Mohd Abdul Nassir Bidin.

Dato' Dr. Daing Nasir berkata, memorandum persefahaman yang dimeterai ini merupakan manifestasi komitmen kedua-dua belah pihak. Melalui jaringan strategik UMP-JPS ini, kedua-dua pihak bakal memperoleh manfaat daripada kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D), akademik dan pembangunan modal insan yang akan digerakkan secara kolektif.

"Sebagai rakan kongsi baharu, JPS dilihat dapat memberi nilai tambah yang bersifat komplementari dalam mengembangkan aktiviti pengajaran dan penyelidikan berkenaan bidang pengurusan sumber air bersepadu, projek pembangunan sumber air dan hidrologi, pengurusan banjir, pengurusan lembangan sungai dan zon pantai serta saliran mesra alam," katanya ketika berucap di Dewan Bankuet UMP Kampus Gambang pada 6 Mac 2014 yang lalu.

Tambah beliau lagi, dalam semangat Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), saya percaya sinergi kepakaran akademik yang dimiliki UMP dengan kepakaran teknikal yang dimiliki JPS dapat menatijahkan hasil yang memberi faedah besar kepada masyarakat secara keseluruhannya melalui pelbagai

projek dan inisiatif yang akan dijalankan.

Sebagai Pusat Kecemerlangan yang diwujudkan di universiti ini, usaha yang dilakukan oleh Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM) ini dalam menjalankan kerjasama dengan JPS dapat meningkatkan keupayaan penyelidikan yang dijalankan oleh CERRM dengan meneroka aspek-aspek yang berpotensi hasil usaha sama kolektif dan sinergi bersama JPS.

Menurut Datuk Ir. Haji Ahmad Husaini Sulaiman, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia, pemeteraian MoU yang ditandatangani ini adalah signifikan dan simbolik dalam mewujudkan medium kerjasama dalam bidang Penyelidikan & Pembangunan (R&D), akademik dan pembangunan modal insan.

Katanya, cetusan idea-idea penyelidikan dan penemuan terbaharu, serta aplikasi teknologi terkini akan dapat membantu dan memberi impak yang sangat tinggi kepada pihak kerajaan amnya dan JPS khususnya dalam perancangan dan pengurusan sumber air secara bersepadu di masa hadapan.

Beliau juga berharap agar kerjasama yang bersepadu dan berterusan dari pihak JPS dan UMP ini dapat mengekalkan perkongsian strategik ini supaya matlamat utama pengurusan sumber air amnya dan pengurusan banjir khususnya dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.